

SOALAN NO: 39

Cadangan untuk menaiktaraf Pejabat Pos Masai telahpun disenaraikan dalam perancangan program peningkatan kecekapan perkhidmatan Pos Malaysia bagi tahun kewangan 2018/19 yang bermula pada April 2018. Ini akan melibatkan penambahbaikan seperti berikut:

1. Penstrukturan semula susunan kaunter perkhidmatan di dalam pejabat pos supaya menjadi lebih teratur dan mesra pelanggan.
2. Menyediakan sebuah kaunter pandu-lalu atau *Pos Laju Ezi Drive-thru* di dalam kawasan pejabat pos bagi kemudahan pelanggan terutamanya usahawan E-Dagang
3. Meningkatkan tahap keselamatan di sekeliling bangunan pejabat seperti memperkukuhkan pagar kawasan dan pemasangan kamera CCTV.